



Jurnal Afaq Lughawiyah
Universiti Sultan Zainal Abidin
مجلة آفاق لغوية - جامعة السلطان زين العابدين

USLUB KOMUNIKASI RASULULLAH S.A.W. MENERUSI UJARAN *AL-NIDĀ'* DALAM HADIS *AL-ARBA'ĪN AL-NAWAWĪYYAH*

[PROPHETIC COMMUNICATION STYLE THROUGH VOCATIVE UTTERANCES (*AL-NIDĀ'*) IN *AL-ARBA'ĪN AL-NAWAWĪYYAH*]

Syarifah Marsya Fariha Syed Kamaruddin¹ & Mohd Shahrizal Nasir¹

¹Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong
Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

* Corresponding Author: sy.marsyafariha@gmail.com

Received: 13/6/2026

Revised: 15/7/2026

Accepted: 19/8/2026

Published: 31/8/2026

Abstrak

Uslub komunikasi Rasulullah s.a.w. memperlihatkan keunggulan retorik yang menepati prinsip ilmu *al-Ma'ānī*, iaitu *muṭābaqah al-kalām li-muqtaḍā al-ḥāl*, iaitu penggunaan ujaran yang disesuaikan mengikut keadaan, tujuan dan kesediaan pendengar. Salah satu uslub tersebut dapat diperhatikan menerusi penggunaan ujaran *al-Nidā'* (seruan) dalam himpunan *al-Arba'īn al-Nawawīyyah*. Kajian ini bertujuan mengenal pasti penggunaan ujaran *al-Nidā'* dalam hadis *al-Arba'īn al-Nawawīyyah* serta menghuraikan uslub komunikasi yang terserlah melalui fungsi makna ujaran tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis teks terhadap hadis-hadis dalam *al-Arba'īn al-Nawawīyyah* dengan gabungan pendekatan deduktif, induktif dan komparatif. Analisis berasaskan kerangka yang disintesis daripada dua karya kontemporari ilmu *al-Ma'ānī* oleh Bakrī Shaykh Amin dan Basyūnī Fayyūd. Dapatan kajian mengenal pasti ujaran *al-Nidā'* dalam *al-Arba'īn al-Nawawīyyah* hadir dalam tiga konteks komunikasi, iaitu komunikasi Rasulullah s.a.w. dengan para sahabat, komunikasi para sahabat dengan Rasulullah s.a.w., serta komunikasi Ilahi dalam Hadis Qudsi. Analisis menunjukkan bahawa fungsi makna ujaran dipengaruhi secara dinamik oleh identiti penutur. Seruan para sahabat dominan dengan fungsi *al-Nidā' al-Ḥaqīqī* sebagai manifestasi adab komunikasi, manakala seruan Rasulullah s.a.w. dan Allah s.w.t. cenderung kepada fungsi *al-Ighrā'* sebagai strategi tarbiah. Keunikan uslub ini turut terserlah dalam hadis Qudsi menerusi pengulangan (*takrār*) seruan yang berfungsi memperbaharui perhatian pendengar dan mengukuhkan mesej. Kajian merumuskan bahawa ujaran *al-Nidā'* merupakan uslub komunikasi Nabawi yang dinamik dalam membina hubungan emosi dan kesediaan mental pendengar yang wajar dijadikan model dalam komunikasi Islam kontemporari.

Kata kunci: *al-Nidā'*, *al-Arba'īn al-Nawawīyyah*, ilmu *al-Ma'ānī*, uslub komunikasi, komunikasi Nabawi

Abstract

The communication style of Prophet Muhammad (PBUH) demonstrates a rhetorical excellence that aligns with the principles of *ʿIlm al-Ma'ānī*, specifically *muṭābaqah al-kalām li-muqtaḍā al-ḥāl* (suitability of speech to the requirements of the situation), where utterances are adapted to the context, purpose, and readiness of the listener. One such style is observable through the use of *al-Nidā'* (vocative utterances) within the *al-Arba'īn al-Nawawīyyah* collection. This study aims to identify the use of *al-Nidā'* utterances in *al-Arba'īn al-Nawawīyyah* and to analyse the communication style manifested through the semantic functions of these utterances. This study adopts a qualitative research design employing textual analysis of the hadiths in *al-Arba'īn al-Nawawīyyah* through deductive, inductive, and comparative approaches. The analytical framework is synthesised from two contemporary works on *ʿIlm al-Ma'ānī* by Bakrī Shaykh Amīn and Basyūnī Fayyūd. The findings reveal that *al-Nidā'* utterances occur across diverse communicative contexts, including interactions between the Prophet Muhammad (PBUH) and his Companions, as well as Divine communication in *Ḥadīth Qudsī*. The analysis further demonstrates that the semantic functions of these utterances are dynamically determined by the identity of the speaker. Vocative expressions employed by the Companions predominantly realise the function of *al-Nidā'* *al-Ḥaqīqī*, serving as expressions of communicative etiquette and reverence, whereas those employed by the Prophet Muhammad (PBUH) and by Allah predominantly function as *al-Ighrā'*, operating as a rhetorical strategy to attract attention and facilitate moral instruction. This distinctive communicative style is further exemplified in *Ḥadīth Qudsī*, where the repetitive use (*takrār*) of vocative expressions functions to renew the audience's attention and reinforce the intended message. The study concludes that *al-Nidā'* constitutes a dynamic feature of Nabawī communication that cultivates emotional engagement and psychological readiness among listeners, thereby offering a valuable model for contemporary Islamic communication.

Keywords: *al-nidā'* (vocative), *al-Arba'īn al-Nawawīyyah*, *ʿilm al-Ma'ānī*, communication style, Prophetic communication

Cite as: Syed Kamaruddin, S.M.F. & Nasir, M.S. (2026). Uslub komunikasi Rasulullah s.a.w. menerusi ujaran *al-nidā'* dalam hadis *al-Arba'īn al-Nawawīyyah* [Prophetic communication style through vocative utterances (*al-nidā'*) in *al-Arba'īn al-Nawawīyyah*]. *Afaq Lughawīyyah*, 4(2), 128-143. <https://doi.org/10.37231/afaq.2026.v4i2.220>

© Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

PENDAHULUAN

Hadis merupakan sumber kedua dalam Islam selepas al-Quran yang berperanan sebagai panduan dalam pembentukan akidah, ibadah, akhlak dan kehidupan bermasyarakat (Ibn Rajab al-Ḥanbalī, 1988; al-ʿUthaymīn, 1977). Selain kandungan hukum dan nilai tarbiah yang terkandung di dalamnya, hadis turut memperlihatkan keunggulan Rasulullah s.a.w. dalam menyampaikan mesej secara berhikmah dan berkesan. Keindahan penyampaian Baginda bukan sahaja terletak pada pemilihan lafaz yang tepat, bahkan pada kesesuaian penggunaan bahasa dengan keadaan,

tujuan dan latar pendengar, selaras dengan prinsip *muṭābaqah al-kalām li-muqtaḍā al-ḥāl* yang menjadi asas dalam ilmu *al-Ma‘ānī* (Amin, 1999; Fayyūd, 2015). Justeru, analisis terhadap uslub bahasa dalam hadis bukan sahaja memperlihatkan nilai linguistiknya, malah menyerlahkan kehalusan uslub komunikasi Nabawi dalam menyampaikan mesej dakwah dan tarbiah.

Menurut al-Sakkākī (1987) dan al-Hāshimī (2004), *al-Nidā’* merupakan salah satu bentuk uslub *inshā’ ṭalabī* yang lazimnya digunakan untuk menyeru atau memanggil seseorang. Al-Sakkākī (1987) menjelaskan lagi, penggunaan *al-Nidā’* tidak terhad kepada fungsi pemanggilan semata-mata, bahkan berperanan sebagai medium *tanbīh* (menarik perhatian) dan *takhṣīṣ* (pengkhususan). Perbincangan ini kemudiannya diperluas oleh Bakrī (1999) dan Basyūnī Fayyūd (2015) yang menjelaskan bahawa *al-Nidā’* turut berfungsi membina hubungan komunikasi antara penutur dengan pendengar serta menyediakan kesediaan psikologi pendengar sebelum sesuatu mesej disampaikan. Berdasarkan konteks pertuturan, *al-Nidā’* juga boleh membawa pelbagai fungsi makna yang menyumbang kepada keberkesanan penyampaian dan menyerlahkan kehalusan retorik dalam komunikasi.

Keunikan penggunaan *al-Nidā’* dapat diperhatikan dengan jelas dalam himpunan *al-Arba‘īn al-Nawawīyyah* yang disusun oleh Imam al-Nawawī. Menurut al-‘Aṭṭār (1986), koleksi hadis ini menghimpunkan hadis-hadis *jawāmi‘ al-kalīm* yang padat dengan prinsip asas Islam, di samping memaparkan pelbagai bentuk interaksi antara Rasulullah s.a.w. dengan para sahabat serta antara Allah s.w.t. dengan hamba-Nya dalam hadis Qudsi. Sifat dialogik dan situasional yang mendominasi himpunan ini menjadikan penggunaan *al-Nidā’* bukan sekadar unsur linguistik, bahkan suatu uslub komunikasi yang memainkan peranan penting dalam menarik perhatian, membina keterlibatan pendengar dan memperkukuh penyampaian mesej.

Keberkesanan sesuatu komunikasi bukan sahaja bergantung pada kandungan mesej, tetapi juga pada cara mesej diperkenalkan kepada pendengar. Dalam banyak hadis, ujaran *al-Nidā’* hadir sebelum penyampaian nasihat, hukum atau peringatan, sekali gus menunjukkan bahawa seruan tersebut berfungsi sebagai strategi retorik bagi membina perhatian, hubungan interpersonal dan kesediaan mental pendengar sebelum mesej utama disampaikan. Berdasarkan kepentingan tersebut, kajian ini bertujuan mengenal pasti penggunaan ujaran *al-Nidā’* dalam hadis *al-Arba‘īn al-Nawawīyyah* dan serta uslub komunikasi yang terserlah melalui fungsi makna ujaran tersebut. Kajian ini diharapkan dapat memperluas perbincangan tentang hubungan antara ilmu Balāghah dan komunikasi Nabawi, sekali gus memperlihatkan kerelevanan uslub *al-Nidā’* sebagai model penyampaian mesej dalam dakwah dan pendidikan Islam.

Walaupun terdapat pelbagai kajian yang membincangkan ujaran *al-Nidā’* dari sudut nahu, balāghah dan tafsir, penelitian terhadap fungsi makna ujaran tersebut sebagai uslub komunikasi dalam hadis, khususnya dalam *al-Arba‘īn al-Nawawīyyah*, masih terbatas. Justeru, artikel ini mengisi kelompangan tersebut dengan menganalisis fungsi makna ujaran *al-Nidā’* menurut kerangka ilmu *al-Ma‘ānī* serta menjelaskan bagaimana penggunaannya membentuk uslub komunikasi Rasulullah s.a.w. dalam penyampaian mesej.

Ujaran al-Nidā' dalam Ilmu al-Ma'ānī

Ujaran *al-Nidā'* merupakan salah satu bentuk *inshā' ṭalabī* dalam ilmu *al-Ma'ānī* yang berfungsi sebagai seruan untuk memanggil atau menarik perhatian pendengar. Lazimnya, ujaran ini diperkenalkan melalui partikel seperti *yā*, *ayyuhā* dan seumpamanya (al-Hāshimī, 1999; 'Atiq, 2025). Walau bagaimanapun, penggunaannya dalam balāghah Arab tidak terhad kepada makna literal sebagai panggilan, bahkan boleh membawa pelbagai fungsi makna yang ditentukan oleh konteks pertuturan, hubungan antara penutur dengan pendengar serta tujuan komunikasi (Faḍl Ḥasan 'Abbās, 2024).

Perbincangan sarjana balāghah kontemporari seperti Bakrī (1999) dan Basyūnī Fayyūd (2015) menunjukkan bahawa ujaran *al-Nidā'* berupaya membawa pelbagai fungsi makna seperti *al-Ighrā'* (galakan), *al-Zajr* (tegahan), *al-Taḥassur* (penyesalan), *al-Tanbīh* (peringatan) dan beberapa fungsi lain mengikut konteks penggunaannya. Kepelbagaian fungsi ini memperlihatkan bahawa *al-Nidā'* bukan sekadar mekanisme memanggil pendengar, bahkan merupakan salah satu uslub komunikasi yang mempunyai nilai retorik tinggi dalam menyampaikan mesej secara berkesan.

Uslub Komunikasi dalam Hadis

Dalam komunikasi Nabawi, pemilihan bentuk ujaran merupakan antara faktor yang menentukan keberkesanan penyampaian mesej. Dari perspektif ilmu *al-Ma'ānī*, keberkesanan komunikasi diukur berdasarkan prinsip *muṭābaqah al-kalām li-muqtaḍā al-ḥāl*, iaitu kesesuaian ujaran dengan keadaan, pendengar dan tujuan pertuturan (al-Sakkākī, 1987; Amin, 1999). Oleh itu, sesuatu ujaran tidak hanya dinilai daripada bentuk bahasanya, tetapi juga daripada fungsi makna yang lahir daripada konteks penggunaannya (Fayyūd, 2015).

Menurut Musfirah et al. (2026), ujaran *al-Nidā'* memainkan peranan penting sebagai medium membina hubungan komunikasi antara penutur dengan pendengar. Hardiyanti Zainuddin (2026) menjelaskan fungsi seruan bukan sahaja menarik perhatian sebelum mesej disampaikan, malah dapat mewujudkan unsur galakan, penegasan dan hubungan emosi yang meningkatkan keberkesanan penyampaian. Justeru, analisis terhadap fungsi makna *al-Nidā'* dapat memperlihatkan bagaimana Rasulullah s.a.w. menggunakan uslub komunikasi yang sesuai dengan situasi bagi menyampaikan mesej dakwah dan tarbiah secara berkesan.

Kajian Lepas

Kajian tentang *uslūb al-Nidā'* telah mendapat perhatian dalam kalangan sarjana balāghah kerana fungsinya yang melangkaui peranan sebagai alat panggilan. Dalam kerangka ilmu *al-Ma'ānī*, *al-Nidā'* tergolong dalam kategori *inshā' ṭalabī* yang penggunaannya berasaskan prinsip *muṭābaqah al-kalām li-muqtaḍā al-ḥāl*, iaitu kesesuaian ujaran dengan konteks, tujuan dan keadaan pendengar. Atiq (2025) menjelaskan bahawa pemilihan bentuk ujaran dalam ilmu *al-Ma'ānī* menghasilkan kesan makna yang berbeza mengikut situasi komunikasi. Oleh itu, *al-Nidā'* bukan

sahaja berfungsi sebagai seruan, malah berperanan menarik perhatian serta menyediakan pendengar untuk menerima mesej yang ingin disampaikan.

Dalam konteks al-Quran, Musfirah et al. (2026) menunjukkan bahawa *al-Nidā'* digunakan untuk pelbagai tujuan retorik seperti *tanbīh* (menarik perhatian), *takrīm* (pemuliaan), *talattuf* (kelembutan) dan *takhwīf* (amaran), bergantung pada konteks ayat dan pihak yang diseru. Dapatan ini disokong oleh Zainuddin (2026) yang menegaskan bahawa partikel *yā* tidak semestinya membawa makna literal sebagai panggilan, bahkan boleh berfungsi secara retorik dan pragmatik untuk mengukuhkan mesej serta membangkitkan perhatian pendengar.

Di luar konteks al-Quran, Rahmawati (2022) memperlihatkan bahawa penggunaan *al-Munādā* dalam syair *Mahallul Qiyam* turut membawa pelbagai fungsi makna seperti *istighāthah*, *ta'ajjub* dan *nudbah*. Dapatan tersebut menunjukkan bahawa uslub seruan bukan sekadar memenuhi fungsi tatabahasa, bahkan menjadi medium untuk menzahirkan emosi, penghormatan dan pengagungan dalam komunikasi.

Secara keseluruhannya, sorotan kajian menunjukkan bahawa penyelidikan terdahulu lebih banyak menumpukan *al-Nidā'* dari sudut teori balāghah serta analisis terhadap al-Quran dan teks sastra Arab. Walau bagaimanapun, penelitian yang memfokuskan fungsi makna ujaran *al-Nidā'* dalam hadis *al-Arba'īn al-Nawawīyyah*, khususnya dari perspektif uslub komunikasi Rasulullah s.a.w. berdasarkan kerangka ilmu *al-Ma'ānī*, masih terhad. Oleh itu, kajian ini berusaha mengisi kelompangan tersebut dengan menganalisis fungsi makna *al-Nidā'* serta menghuraikan uslub komunikasi Rasulullah s.a.w. yang terserlah melalui penggunaannya.

OBJEKTIF KAJIAN


Secara umumnya, kajian ini bertujuan meneliti penggunaan ujaran *al-Nidā'* dalam hadis *al-Arba'īn al-Nawawīyyah* melalui analisis fungsi makna berdasarkan kerangka ilmu *al-Ma'ānī* serta menghuraikan uslub komunikasi Rasulullah s.a.w. yang terserlah melaluinya. Secara khususnya, kajian ini bertujuan:

- i. Menenal pasti penggunaan ujaran *al-Nidā'* dalam hadis *al-Arba'īn al-Nawawīyyah*.
- ii. Menghuraikan uslub komunikasi yang terserlah melalui fungsi makna ujaran *al-Nidā'* dalam *al-Arba'īn al-Nawawīyyah*.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis kandungan dan analisis teks bagi meneliti penggunaan ujaran *al-Nidā'* dalam hadis *al-Arba'īn al-Nawawīyyah* serta menghuraikan uslub komunikasi Rasulullah s.a.w. yang terserlah melalui fungsi maknanya. Pendekatan kualitatif dipilih kerana kajian ini menumpukan penelitian terhadap makna, konteks penggunaan bahasa dan kehalusan retorik dalam sabda Rasulullah s.a.w., khususnya penggunaan ujaran *al-Nidā'* sebagai medium penyampaian mesej (Creswell & Poth, 2018). Analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti, mengelaskan dan mentafsir data secara

sistematik, manakala analisis teks diaplikasikan bagi menghuraikan fungsi makna ujaran berdasarkan konteks pertuturannya (Krippendorff, 2019). Proses analisis data kajian dilaksanakan secara sistematik sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Proses Analisis Data Kajian

Berdasarkan rajah 1, sumber data kajian terdiri daripada teks hadis *al-Arba 'in al-Nawawiyah* yang mengandungi ujaran *al-Nidā'*. Bagi menganalisis fungsi makna ujaran tersebut, kajian ini berpandukan kerangka ilmu *al-Ma 'ānī* yang dibina berdasarkan dua karya utama, iaitu *al-Balāghah al- 'Arabiyyah fi Thawbihā al-Jadīd: 'Ilm al-Ma 'ānī* karya Bakrī Shaykh Amīn (1999) dan *'Ilm al-Ma 'ānī: Dirāsah Balāghiyyah wa Naqdiyyah li Masā'il al-Ma 'ānī* karya Basyūnī Fayyūd (2014). Kedua-dua karya ini dijadikan rujukan utama dalam mengenal pasti dan mengklasifikasikan fungsi makna ujaran *al-Nidā'*. Selain itu, bagi memastikan ketepatan analisis konteks, pengkaji turut merujuk kepada kitab-kitab syarah hadis yang muktabar seperti *Jāmi ' al- 'Ulūm wa al-Ḥikam* karya Ibn Rajab al-Ḥanbalī dan *Syarḥ al-Arba 'in al-Nawawiyah* karya Ibn al- 'Aṭṭār. Rujukan ini digunakan bagi mengesahkan konteks pertuturan, latar penyampaian dan maksud ujaran berdasarkan huraian para ulama hadis.

Pengumpulan data dilaksanakan menggunakan teknik pensampelan bertujuan (*purposive sampling*), iaitu pemilihan data yang secara langsung memenuhi tujuan kajian (Patton, 2015). Sehubungan itu, hanya hadis yang mengandungi ujaran *al-Nidā'* dipilih sebagai data kajian. Pengkaji terlebih dahulu meneliti keseluruhan korpus *al-Arba 'in al-Nawawiyah* bagi memahami konteks setiap hadis sebelum mengenal pasti ujaran *al-Nidā'* berdasarkan kewujudan partikel seruan, khususnya *yā* (يَا). Hasil penyaringan mengenal pasti sembilan buah hadis yang mengandungi ujaran *al-Nidā'*. Walau bagaimanapun, unit analisis kajian ialah setiap ujaran *al-Nidā'* yang dikenal pasti dalam korpus hadis, bukannya bilangan hadis. Oleh itu, hadis yang mengandungi lebih daripada satu ujaran dianalisis secara berasingan mengikut konteks pertuturannya.

Setiap ujaran *al-Nidā'* seterusnya dianalisis berdasarkan konteks linguistik, situasi pertuturan serta hubungan antara penutur dengan pendengar. Analisis ini mengambil kira tujuan penggunaan seruan, sasaran ujaran dan peranannya dalam penyampaian mesej. Penentuan fungsi makna dibuat dengan berpandukan kerangka ilmu *al-Ma'ānī* yang dihuraikan oleh Bakrī Shaykh Amīn (1999) dan Basyūnī Fayyūd (2015), berasaskan prinsip *muṭābaqah al-kalām li-muqtaḍā al-ḥāl*. Setiap ujaran kemudiannya diklasifikasikan kepada fungsi makna yang paling bertepatan dengan konteks pertuturannya. Bagi meningkatkan kebolehpercayaan analisis, penentuan fungsi makna setiap ujaran dilakukan dengan merujuk secara silang kepada dua karya utama ilmu *al-Ma'ānī*, iaitu Bakrī Shaykh Amīn (1999) dan Basyūnī Fayyūd (2015), di samping disokong oleh huraian dalam kitab-kitab syarah hadis bagi memastikan fungsi yang dipilih selaras dengan konteks pertuturan.

DAPATAN KAJIAN

Bagi mencapai objektif pertama kajian, pengkaji mengenal pasti hadis yang mengandungi ujaran *al-Nidā'* dalam korpus *al-Arba'īn al-Nawawīyyah*. Analisis menunjukkan bahawa daripada empat puluh dua buah hadis, sebanyak sembilan hadis mengandungi sebelas ujaran *al-Nidā'*. Oleh sebab sesebuah hadis boleh mengandungi lebih daripada satu ujaran seruan, unit analisis kajian ialah setiap ujaran *al-Nidā'* yang dikenal pasti dalam konteks pertuturan masing-masing.

Jadual 1 Penggunaan Ujaran *al-Nidā'* dalam Hadis *al-Arba'īn al-Nawawīyyah*

Hadis	Lafaz al-Nidā'	Penutur	Pendengar	Fungsi Makna
2	يا عمر	Rasulullah s.a.w.	Umar r.a.	<i>al-Ighrā'</i>
7	يا رسول الله	Sahabat	Rasulullah s.a.w.	<i>al-Nidā' al-Ḥaqīqī</i>
19	يا غلام	Rasulullah s.a.w.	Sahabat	<i>al-Ighrā'</i>
21	يا رسول الله	Sahabat	Rasulullah s.a.w.	<i>al-Nidā' al-Ḥaqīqī</i>
24	يا عبادي	Allah s.w.t. (Hadis Qudsi)	Manusia	<i>al-Ighrā'</i>
25	يا رسول الله	Sahabat	Rasulullah s.a.w.	<i>al-Nidā' al-Ḥaqīqī</i>
29	يا رسول الله	Mu'az bin Jabal r.a.	Rasulullah s.a.w.	<i>al-Nidā' al-Ḥaqīqī</i>
29	يا نبي الله	Mu'az bin Jabal r.a.	Rasulullah s.a.w.	<i>al-Nidā' al-Ḥaqīqī</i>
29	يا معاذ	Rasulullah s.a.w.	Mu'az bin Jabal	<i>al-Ighrā'</i>

31	يا رسول الله	Sahabat	Rasulullah s.a.w.	<i>al-Nidā' al-Ḥaqqīqī</i>
42	يا ابن آدم	Allah s.w.t.	Manusia	<i>al-Ighrā'</i>
(Hadis Qudsi)				

Berdasarkan Jadual 1, penggunaan ujaran *al-Nidā'* dapat dibahagikan kepada dua konteks utama, iaitu komunikasi dua hala antara Rasulullah s.a.w. dengan para sahabat serta komunikasi Ilahi dalam Hadis Qudsi. Dalam komunikasi dua hala, ujaran *al-Nidā'* digunakan sama ada oleh para sahabat ketika berinteraksi dengan Rasulullah s.a.w. atau oleh Rasulullah s.a.w. ketika menyampaikan nasihat kepada para sahabat. Manakala dalam Hadis Qudsi, ujaran *al-Nidā'* digunakan oleh Allah s.w.t. sebagai medium penyampaian mesej kepada seluruh manusia.

Hadis ke-29 mengandungi empat ujaran *al-Nidā'*, iaitu tiga seruan yang diucapkan oleh Mu'az bin Jabal kepada Rasulullah s.a.w. (*yā Rasūlallāh* dan *yā Nabīyyallāh*) serta satu seruan oleh Rasulullah s.a.w. kepada Mu'az r.a. (*yā Mu'ādh*). Ketiga-tiga seruan oleh Mu'az membawa fungsi *al-Nidā' al-Ḥaqqīqī* kerana digunakan untuk memulakan pertanyaan dan meneruskan dialog dengan penuh adab serta penghormatan terhadap Rasulullah s.a.w. Sebaliknya, seruan *yā Mu'ādh* diucapkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam konteks memberi nasihat dan penegasan, sekali gus berfungsi sebagai *al-Ighrā'* yang bertujuan menarik perhatian Mu'az r.a. sebelum menyampaikan peringatan tentang bahaya lidah.

Analisis Fungsi Makna Ujaran al-Nidā' Berdasarkan Peranan Penutur

Analisis terhadap fungsi makna menunjukkan bahawa penggunaan *al-Nidā'* memperlihatkan pola yang konsisten berdasarkan identiti penutur. Dapatan ini dirumuskan seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 Hubungan antara Penutur, Fungsi Makna dan Tujuan Komunikasi

<i>Penutur</i>	<i>Fungsi Utama</i>	<i>Tujuan Komunikasi</i>
<i>Para sahabat</i>	<i>al-Nidā' al-Ḥaqqīqī</i>	<i>Memohon penjelasan.</i>
<i>Rasulullah s.a.w.</i>	<i>al-Ighrā'</i>	<i>Mendidik dan membimbing.</i>
<i>Allah s.w.t</i>	<i>al-Ighrā'</i>	<i>Mengajak dan membina harapan.</i>

Berdasarkan Jadual 2, analisis mendapati bahawa fungsi makna ujaran *al-Nidā'* dipengaruhi oleh peranan penutur dalam sesuatu situasi komunikasi. Seruan yang diucapkan oleh para sahabat kepada Rasulullah s.a.w. lazimnya mengekalkan fungsi hakiki sebagai panggilan untuk memulakan atau meneruskan dialog. Sebaliknya, ujaran *al-Nidā'* yang diucapkan oleh Rasulullah s.a.w. dan Allah s.w.t. dalam Hadis

Qudsi lebih cenderung membawa fungsi *al-Ighrā'*, iaitu bertujuan menarik perhatian pendengar sebelum penyampaian mesej yang bersifat pendidikan dan bimbingan.

Analisis mendapati bahawa para sahabat menggunakan ujaran *al-Nidā'* hampir secara konsisten pada makna hakikinya, iaitu sebagai panggilan untuk memulakan atau meneruskan dialog dengan Rasulullah s.a.w. Penggunaan ini mencerminkan adab komunikasi para sahabat yang memohon penjelasan atau mendapatkan bimbingan daripada Baginda. Hal ini menunjukkan bahawa ujaran *al-Nidā'* dalam komunikasi para sahabat berfungsi sebagai pembuka interaksi yang sopan dan beradab, sekali gus mewujudkan suasana komunikasi yang kondusif bagi penyampaian ilmu.

Sebaliknya, ujaran *al-Nidā'* yang diucapkan oleh Rasulullah s.a.w. dan Allah s.w.t. dalam Hadis Qudsi bukan berfungsi sebagai panggilan semata-mata, bahkan membawa fungsi *al-Ighrā'*. Seruan tersebut digunakan bagi menarik perhatian, membina kesediaan emosi pendengar serta menyediakan mereka untuk menerima mesej dakwah, tarbiah dan peringatan yang ingin disampaikan. Dapatan ini memperlihatkan bahawa fungsi *al-Nidā'* berkembang daripada makna literal kepada satu uslub komunikasi yang meningkatkan keberkesanan penyampaian mesej mengikut tujuan dan konteks pertuturan.

Dalam komunikasi daripada pendengar kepada penyampai mesej, *al-Nidā'* mengekalkan fungsi hakikinya sebagai pembuka dialog. Sebaliknya, dalam komunikasi daripada penyampai mesej kepada pendengar, fungsi *al-Nidā'* berubah menjadi medium targhib yang bertujuan membina kesediaan emosi dan mental sebelum mesej utama disampaikan. Perbezaan fungsi ini membuktikan bahawa penggunaan ujaran *al-Nidā'* dalam hadis disesuaikan dengan peranan penutur dan tujuan komunikasi bagi memastikan mesej dapat disampaikan dengan lebih berkesan.


Secara keseluruhannya, analisis menunjukkan bahawa fungsi makna ujaran *al-Nidā'* tidak ditentukan oleh bentuk lafaz semata-mata, sebaliknya dipengaruhi oleh konteks komunikasi, hubungan antara penutur dengan pendengar serta tujuan pertuturan. Seruan yang diucapkan oleh para sahabat lazimnya mengekalkan fungsi *al-Nidā'* *al-Ḥaqīqī* bagi memulakan dialog dengan penuh adab, manakala seruan oleh Rasulullah s.a.w. dan Allah s.w.t. lebih dominan membawa fungsi *al-Ighrā'* sebagai uslub komunikasi untuk menarik perhatian, membina kesediaan pendengar dan mengukuhkan penerimaan terhadap mesej dakwah serta tarbiah. Dapatan ini selaras dengan prinsip *muṭābaqah al-kalām li-muqtaḍā al-ḥāl* dalam ilmu *al-Ma'ānī*, yang menegaskan bahawa pemilihan sesuatu ujaran bergantung pada kesesuaian konteks dan tujuan komunikasi.

Manifestasi Uslub Komunikasi Menerusi Ujaran al-Nidā' dalam al-Arba'īn al-Nawawīyyah

Manifestasi uslub komunikasi melalui ujaran *al-Nidā'* dalam *al-Arba'īn al-Nawawīyyah* menyerlahkan keunggulan retorik yang berteraskan prinsip *muṭābaqah al-kalām li-muqtaḍā al-ḥāl*. Analisis menunjukkan bahawa pemilihan fungsi makna seruan tidak ditentukan oleh bentuk lafaz semata-mata, sebaliknya dipengaruhi secara dinamik

oleh konteks komunikasi, hubungan antara penutur dengan pendengar, serta tujuan pertuturan.

Bagi memperlihatkan manifestasi uslub komunikasi tersebut dengan lebih sistematis, analisis ini disusun berdasarkan identiti penutur dalam hadis. Perbincangan dimulakan dengan ujaran *al-Nidā'* yang diucapkan oleh para sahabat kepada Rasulullah s.a.w., diikuti ujaran Rasulullah s.a.w. kepada para sahabat, seterusnya ujaran Allah s.w.t. kepada manusia dalam Hadis Qudsi. Rajah 2 merumuskan hubungan antara identiti penutur, fungsi makna ujaran *al-Nidā'* serta tujuan komunikasi yang terhasil daripada analisis kajian.



Rajah 2 Manifestasi Uslub Komunikasi Menerusi Ujaran *al-Nidā'* Berdasarkan Identiti Penutur

Berdasarkan Rajah 2, komunikasi yang berorientasikan pencarian ilmu dimanifestasikan melalui ujaran *al-Nidā'* yang diucapkan oleh para sahabat kepada Rasulullah s.a.w. Dalam komunikasi yang berorientasikan pencarian ilmu, uslub ini dimanifestasikan sebagai instrumen adab dan penghormatan. Para sahabat secara konsisten menggunakan ujaran *al-Nidā'* pada maknanya yang sebenar (*al-Nidā' al-Ḥaqīqī*) sebagai panggilan untuk memulakan dialog atau memohon penjelasan daripada Rasulullah s.a.w. Sebagai contoh, dalam hadis ke-29, Mu'az r.a. menggunakan lafaz "yā Rasūlallāh" dan "yā Nabīyyallāh" untuk memulakan pertanyaan serta meneruskan dialog dengan penuh tertib, yang membuktikan bahawa seruan dalam konteks ini berfungsi sebagai protokol komunikasi pembuka dialog yang penuh penghormatan.

Kategori kedua dalam Rajah 2 menunjukkan bahawa apabila penuturnya ialah Rasulullah s.a.w., fungsi makna ujaran *al-Nidā'* berubah daripada *al-Nidā' al-Ḥaqīqī* kepada *al-Ighrā'*, iaitu bertujuan menarik perhatian serta membina kesediaan emosi

dan mental pendengar sebelum sesuatu nasihat atau peringatan penting disampaikan. Hal ini menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. tidak menyampaikan nasihat secara serta-merta, sebaliknya mendahului penyampaian mesej dengan seruan yang berfungsi membina perhatian dan kesediaan pendengar. Contohnya, seruan "yā Mu'ādh" dalam hadis ke-29 dan "yā ghulām" dalam hadis ke-19 bertindak sebagai medium penegasan agar pendengar memberikan fokus sepenuhnya terhadap intipati pesanan dakwah dan tarbiah yang bakal menyusul.

Kategori ketiga dalam Rajah 2 memperlihatkan manifestasi komunikasi Ilahi dalam Hadis Qudsi menggunakan ujaran *al-Nidā'* sebagai medium targhib kepada hamba-Nya. Seruan seperti *yā 'ibādī* dan *yā ibna Ādam* memperlihatkan fungsi *al-Ighrā'* yang bertujuan membina hubungan emosi serta menyediakan pendengar untuk menerima mesej Ilahi. Keunikan penggunaan seruan dalam Hadis Qudsi akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bahagian berikut.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa ujaran *al-Nidā'* dalam hadis berfungsi sebagai satu mekanisme komunikasi yang menghubungkan penutur dengan pendengar mengikut tuntutan situasi pertuturan. Penggunaannya berubah daripada fungsi literal sebagai alat panggilan kepada satu uslub komunikasi yang berperanan membina hubungan, menarik perhatian, menyediakan kesediaan emosi serta memperkukuh keberkesanan penyampaian mesej. Hal ini membuktikan bahawa keberkesanan komunikasi Nabawi bukan sahaja bergantung pada kandungan mesej, bahkan turut dipengaruhi oleh kebijaksanaan memilih bentuk ujaran yang paling sesuai dengan maqām pendengar, selaras dengan prinsip *muṭābaqah al-kalām li-muqtaḍā al-ḥāl* dalam ilmu *al-Ma'ānī*.

Keistimewaan Uslub Komunikasi dalam Hadis Qudsi

Keistimewaan uslub komunikasi dalam Hadis Qudsi terserlah melalui komunikasi secara langsung daripada Allah s.w.t. kepada hamba-hamba-Nya. Menurut 'Abd al-Ḥamīd Ṣāliḥ Ḥamdān (2024), Hadis Qudsi merupakan khitab Allah kepada hamba-Nya yang disampaikan melalui lidah Rasulullah s.a.w. sebagai penyampai wahyu. Oleh sebab itu, Hadis Qudsi lazimnya dimulakan dengan bentuk seruan seperti *yā ibna Ādam* atau *yā ayyuhā al-nās*, yang berfungsi mewujudkan hubungan langsung antara Allah dengan manusia sebelum mesej utama disampaikan.

Dalam korpus *al-Arba'īn al-Nawawīyyah*, bentuk komunikasi tersebut dapat diperhatikan dalam Hadis ke-24 melalui lafaz *yā 'ibādī* dan Hadis ke-42 melalui lafaz *yā ibna Ādam*. Kedua-dua seruan ini bukan sekadar panggilan literal, bahkan membawa fungsi *al-Ighrā'* yang bertujuan membina kesediaan emosi, menanam harapan serta menggalakkan manusia mendekatkan diri kepada Allah. Hal ini memperlihatkan bahawa komunikasi Ilahi tidak dimulakan dengan perintah atau larangan secara langsung, sebaliknya didahului dengan seruan yang membina hubungan psikologi antara Pencipta dengan hamba-Nya.

Keistimewaan komunikasi Ilahi dalam Hadis Qudsi dapat diperhatikan melalui penggunaan lafaz *yā 'ibādī* dalam Hadis ke-24 dan *yā ibna Ādam* dalam Hadis ke-42. Kedua-dua seruan tersebut memperlihatkan Allah s.w.t. berkhitab secara langsung kepada manusia melalui lidah Rasulullah s.a.w. Dari sudut ilmu *al-Ma'ānī*,

kedua-duanya membawa fungsi *al-Ighrā'* yang berperanan membina kesediaan emosi dan rohani sebelum penyampaian mesej tarbiah. Jadual 4 memfokuskan penggunaan dua lafaz *al-Nidā'* dalam Hadis Qudsi, iaitu *yā 'ibādī* (Hadis ke-24) dan *yā ibna Ādam* (Hadis ke-42).

Jadual 4 Keistimewaan Uslub Komunikasi dalam Hadis Qudsi

Aspek	Hadis 24	Hadis 42
Lafaz <i>al-Nidā'</i>	يَا عِبَادِي	يَا ابْنَ آدَمَ
Fungsi Makna	<i>al-Ighrā'</i>	<i>al-Ighrā'</i>
Kekerapan Pengulangan Seruan	10 kali	3 kali
Manifestasi Uslub Komunikasi	Menarik perhatian, mengekalkan fokus dan mengukuhkan mesej tarbiah	Menarik perhatian, membina harapan dan menggalakkan taubat
Kesan Komunikasi	Mewujudkan hubungan yang berterusan antara Allah dengan hamba sepanjang hadis	Mengukuhkan hubungan emosi antara Allah dan manusia sebelum setiap janji keampunan disampaikan

Berdasarkan jadual 4, keistimewaan uslub komunikasi dalam Hadis Qudsi bukan sahaja terletak pada penggunaan lafaz *al-Nidā'*, bahkan pada pengulangannya yang disengajakan. Allah s.w.t. mengulang lafaz *yā 'ibādī* sebanyak sepuluh kali dalam Hadis ke-24 dan *yā ibna Ādam* sebanyak tiga kali dalam Hadis ke-42. Dari sudut ilmu *al-Ma'ānī*, pengulangan tersebut menunjukkan bahawa seruan bukan sekadar pembuka ujaran, tetapi menjadi sebahagian daripada strategi komunikasi untuk memastikan setiap mesej diterima dalam keadaan jiwa pendengar sentiasa bersedia.

Keistimewaan uslub komunikasi dalam Hadis Qudsi bukan sahaja terletak pada penggunaan lafaz *al-Nidā'*, bahkan pada pengulangannya yang disengajakan. Persoalan yang timbul ialah mengapakah Allah s.w.t. tidak memadai dengan satu seruan sahaja, sebaliknya mengulang lafaz *yā 'ibādī* sebanyak sepuluh kali dalam Hadis ke-24 dan *yā ibna Ādam* sebanyak tiga kali dalam Hadis ke-42. Dari sudut ilmu *al-Ma'ānī*, pengulangan tersebut menunjukkan bahawa seruan bukan sekadar pembuka ujaran, tetapi menjadi sebahagian daripada strategi komunikasi untuk memastikan setiap mesej diterima dalam keadaan jiwa pendengar sentiasa bersedia.

Dalam Hadis ke-24, setiap pengulangan lafaz *yā 'ibādī* didatangkan sebelum penyampaian mesej yang berbeza, antaranya berkaitan kezaliman, hidayah, kelaparan, pakaian, dosa, keampunan, amalan dan pembalasan. Hal ini menunjukkan bahawa Allah s.w.t. memperbaharui perhatian pendengar sebelum menyampaikan setiap mesej baharu. Sekiranya seruan hanya diucapkan sekali pada permulaan hadis,

kesan psikologi dan penegasan terhadap setiap mesej mungkin tidak sekuat apabila seruan tersebut diulang secara berterusan.

Begitu juga dalam Hadis ke-42, lafaz *yā ibna Ādam* diulang sebanyak tiga kali. Walaupun bilangan pengulangannya lebih sedikit, setiap seruan didahului dengan janji keampunan Allah yang semakin besar. Pengulangan tersebut membina perkembangan mesej, daripada pengampunan terhadap dosa, kepada penerimaan doa, sehingga penegasan bahawa Allah tetap mengampunkan dosa walaupun sebesar bumi selagi manusia tidak menyekutukan-Nya. Oleh itu, setiap pengulangan bukan sekadar mengulangi panggilan, tetapi memperkukuhkan harapan dan menghapuskan rasa putus asa terhadap rahmat Allah.

Berdasarkan analisis ini, pengulangan ujaran *al-Nidā'* dalam Hadis Qudsi bukanlah suatu pengulangan yang bersifat retorik semata-mata (*takrār lafẓī*), tetapi merupakan strategi komunikasi yang disengajakan. Setiap pengulangan berfungsi memperbaharui perhatian pendengar, mengukuhkan hubungan antara Allah dengan hamba-Nya, serta menyediakan ruang psikologi yang sesuai sebelum penyampaian mesej berikutnya. Dengan kata lain, setiap seruan menandakan permulaan kepada satu mesej baharu yang mempunyai fokus dan tujuan tarbiah tersendiri. Dapatan ini mengukuhkan prinsip *muṭābaqah al-kalām li-muqtaḍā al-ḥāl* dalam ilmu *al-Ma'ānī*, sekali gus membuktikan bahawa keberkesanan komunikasi tidak hanya bergantung pada makna leksikal sesuatu ujaran, tetapi turut ditentukan oleh kesesuaian bentuk bahasa dengan tujuan pertuturan, keadaan pendengar dan kesan psikologi yang ingin diwujudkan.

PERBINCANGAN

Kajian ini menunjukkan bahawa ujaran *al-Nidā'* dalam *al-Arba'īn al-Nawawīyyah* tidak berfungsi sebagai alat panggilan semata-mata, sebaliknya merupakan satu uslub komunikasi yang disesuaikan dengan konteks pertuturan, hubungan antara penutur dengan pendengar serta tujuan penyampaian mesej. Dapatan ini mengukuhkan prinsip *muṭābaqah al-kalām li-muqtaḍā al-ḥāl* dalam ilmu *al-Ma'ānī* yang menegaskan bahawa keberkesanan sesuatu ujaran bergantung pada kesesuaiannya dengan keadaan komunikasi. Hal ini dapat diperhatikan apabila ujaran *al-Nidā'* yang diucapkan oleh para sahabat mengekalkan fungsi *al-Nidā' al-Ḥaqīqī* sebagai pembuka dialog yang mencerminkan adab terhadap Rasulullah s.a.w., manakala ujaran oleh Rasulullah s.a.w. dan Allah s.w.t. lebih dominan membawa fungsi *al-Ighrā'* bagi menarik perhatian dan membina kesediaan pendengar sebelum mesej utama disampaikan.

Selain itu, kajian ini memperlihatkan bahawa fungsi *al-Ighrā'* bukan sekadar memberikan galakan, bahkan menjadi strategi komunikasi yang menyentuh dimensi psikologi dan spiritual pendengar. Penggunaan lafaz *yā Mu'ādh*, *yā ghulām*, *yā 'ibādī* dan *yā ibna Ādam* menunjukkan bahawa seruan digunakan untuk mewujudkan hubungan yang lebih dekat antara penutur dengan pendengar sebelum penyampaian nasihat, peringatan atau janji keampunan. Dapatan ini membuktikan bahawa keberkesanan komunikasi Rasulullah s.a.w. dan komunikasi Ilahi tidak hanya

bergantung pada kandungan mesej, tetapi juga pada pemilihan bentuk ujaran yang mampu menyediakan jiwa pendengar untuk menerima mesej tersebut.

Keistimewaan uslub komunikasi ini lebih terserlah dalam Hadis Qudsi apabila Allah s.w.t. mengulang lafaz *yā 'ibādī* sebanyak sepuluh kali dalam Hadis ke-24 dan *yā ibna Ādam* sebanyak tiga kali dalam Hadis ke-42. Pengulangan ini bukan sekadar unsur *takrār* dari sudut retorik, sebaliknya merupakan strategi komunikasi yang memperbaharui perhatian pendengar sebelum setiap mesej baharu disampaikan. Hal ini menunjukkan bahawa setiap seruan mempunyai fungsi komunikasi yang tersendiri, iaitu mengukuhkan hubungan antara Allah dengan hamba-Nya, mengekalkan keterlibatan pendengar serta meningkatkan kesan tarbiah dan dakwah terhadap jiwa manusia. Implikasinya, uslub komunikasi menerusi ujaran *al-Nidā'* yang diaplikasikan oleh Rasulullah s.a.w. boleh dijadikan model komunikasi dalam bidang dakwah, pendidikan dan kepimpinan kerana menekankan kepentingan membina hubungan serta kesediaan emosi pendengar sebelum penyampaian sesuatu mesej.

KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa ujaran *al-Nidā'* dalam *al-Arba'in al-Nawawiiyyah* bukan sekadar berfungsi sebagai alat seruan, bahkan merupakan uslub komunikasi yang memperlihatkan kehalusan retorik Rasulullah s.a.w. selaras dengan prinsip *mutābaqah al-kalām li-muqtaḍā al-ḥāl* dalam ilmu *al-Ma'ānī*. Analisis menunjukkan bahawa penggunaan *al-Nidā'* hadir dalam pelbagai konteks komunikasi, iaitu komunikasi Rasulullah s.a.w. dengan para sahabat, komunikasi para sahabat dengan Rasulullah s.a.w., serta komunikasi Ilahi dalam Hadis Qudsi.

Dapatan kajian turut memperlihatkan bahawa fungsi makna ujaran *al-Nidā'* dipengaruhi secara dinamik oleh identiti penutur dan tujuan pertuturan. Seruan para sahabat lazimnya merealisasikan fungsi *al-Nidā' al-Ḥaqīqī* sebagai manifestasi adab komunikasi terhadap Rasulullah s.a.w., manakala seruan Rasulullah s.a.w. dan Allah s.w.t. lebih cenderung membawa fungsi *al-Ighrā'* sebagai strategi tarbiah bagi menarik perhatian, membina kesediaan mental serta mempersiapkan pendengar untuk menerima mesej yang disampaikan. Keunikan uslub ini turut terserlah dalam Hadis Qudsi menerusi penggunaan *takrār* pada ujaran *al-Nidā'*, yang berfungsi memperbaharui perhatian pendengar, mengukuhkan mesej dan mempererat hubungan spiritual antara Allah s.w.t. dengan hamba-Nya.

Secara keseluruhannya, kajian ini memperlihatkan bahawa analisis fungsi makna berdasarkan kerangka ilmu *al-Ma'ānī* bukan sahaja mampu menjelaskan kehalusan retorik ujaran *al-Nidā'*, malah menyerlahkan kebijaksanaan uslub komunikasi Nabawi dalam menyampaikan mesej dakwah dan tarbiah secara berkesan. Justeru, pendekatan ini berpotensi diperluaskan kepada analisis bentuk-bentuk *inshā' ṭalabī* yang lain bagi memperkayakan kajian *balāghah* dan komunikasi dalam hadis Nabawi serta menyumbang kepada pembangunan model komunikasi Islam yang berasaskan sunnah.

CONFLICTS OF INTEREST: The author declares no conflict of interest.

ETHICS STATEMENT: This research is based on textual analysis and did not involve human participants or animals. The study complied with institutional and international ethical guidelines; therefore, no formal ethical approval was required.

REFERENCES

- ‘Abbās, F. Ḥ. (2004). *al-Balāghah funūnuhā wa afnānuhā: ‘Ilm al-ma‘ānī*. Dār al-Furqān.
- Abdul Rahman, M. (2016). *Hadith 40: Terjemahan dan syarahnya*. Dewan Pustaka Fajar.
- al-Ansarī, A. M. A. H. al-H. (2008). *al-Faṭḥ al-mubīn bi syarḥ al-arba‘in*. Dār al-Minhāj.
- Amin, B. S. (1999). *al-Balāghah al-‘Arabiyyah fī thawbihā al-jadīd: ‘Ilm al-ma‘ānī*. Dār al-Thaqāfah al-Islāmiyyah.
- Atiq, A. A. (2025). *Ilmu ma'ani: Kajian struktur dan makna tuturan dalam balaghah Arab* (U. Juhrocin, Trans.). Jim-Zam.
- al-Bakrī, Z. M. (2016). *al-Kāfī: Syarḥ ḥadīth 40 Imām al-Nawawī*. Maktabah al-Bakrī.
- al-Bughā, M., & Dib Mistū, M. (1995). *al-Wāfī fī sharḥ al-arba‘in al-Nawawīyyah*. Dār al-Kalim al-Ṭayyib.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- al-Dimyati, M. A. A. J. (2018). *al-Jawāhir al-lu‘lu‘iyyah fī syarḥ al-arba‘in al-Nawawīyyah*. Dār al-Minhāj.
- Fayyūd, B. ‘A. al-F. (2015). *‘Ilm al-ma‘ānī: Dirāsah taḥlīliyyah naqdiyyah li-asālīb al-ma‘ānī*. Mu‘assasah al-Mukhtār li-al-Nashr wa-al-Tawzī‘.
- Hamdan, A. H. S. (2024). *Mutiara hadis-hadis qudsi: Renungan dan pengajaran yang menyentuh qalbu* (S. Jasah, Trans. & annot.). Pustaka Azhar.
- al-Hāshimī, A. (2004). *Jawāhir al-balāghah fī al-ma‘ānī wa al-bayān wa al-badī‘*. Dār al-Fikr al-‘Arabī.
- al-Ḥanbalī, I. R. (1988). *Jāmi‘ al-‘ulūm wa al-ḥikam*. Dār al-Fikr.
- Ibn al-‘Aṭṭār, A. A. M. ibn I. (1986). *Sharḥ al-arba‘in al-Nawawīyyah* (‘A. al-Q. al-Arna‘ūṭ, Ed.). Mu‘assasat al-Risālah.
- al-Jārim, ‘A., & Amīn, M. (2003). *al-Balāghah al-wāḍiḥah li-al-madāris al-thanauiyyah wa-al-‘āliyyah*. Dār al-Ma‘ārif.
- Krippendorff, K. (2019). *Content analysis: An introduction to its methodology* (4th ed.). SAGE Publications.
- al-Muhanna, M. S. (2016). *Mukhtaṣar Jāmi‘ al-‘ulūm wa al-ḥikam*. Dār Ibn al-Jawzī.
- Musfirah, M., Miswar, A., & Mardan. (2026). Struktur kebahasaan dan fungsi retorik *uslūb nidā’* dalam Al-Qur'an: Kajian balāghah dan tafsir. *Lathaif: Literasi Tafsir, Hadis dan Filologi*, 5(1), 13–29. <https://doi.org/10.31958/lathaif.v5i1.16941>
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods: Integrating theory and practice* (4th ed.). SAGE Publications.

- Rahmawati. (2022). *Analisis al-munada dalam syair Mahallul Qiyam (Kitab Majmu'atul Mawwalid)* [Diploma thesis, Universitas Islam Negeri Datokarama Palu]. <https://repository.uindatokarama.ac.id/id/eprint/3711/>
- Razak, M. S. A. (2023). *Syarah hadis 40: Huraian dan penjelasan tentang hadis-hadis dasar Islam; Terjemahan syarah al-Arba'in al-Nawawīyyah lil Imam Ibn Attar*. Telaga Biru.
- al-Sakkākī, Y. ibn A. (1987). *Miftāḥ al-'ulūm*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Sarsarī, S. A. Q. al-T. (1998). *al-Ta'yīn fī syarḥ al-arba'in*. Mu'assasah al-Rayyan.
- Tatay, M. (1998). *Īdāḥ al-ma'ānī al-khafīyyah fī al-arba'in al-Nawawīyyah*. Dār al-Wafā'.
- al-'Uthaymīn, M. S. (1977). *Syarḥ al-arba'in al-Nawawīyyah*. Dār al-Thurayyā li-al-Nashr.
- Zainuddin, H. (2026). Transformasi makna huruf al-nidā' dalam dinamika balaghah Arab. *Al Irsyad: Jurnal Pendidikan Islam*, 5(1), 13-20.